

Kefahaman terhadap al-Quran

DARI MUKA 1

Beliau mengingatkan bahawa manakala kebenaran agama Islam boleh menarik ramai penganut, tetapi tanpa kejayaan duniawi oleh pejuang Islam terdahulu, sudah tentu tidak ramai berpeluang memahami kebenaran Islam.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan sedang berusaha meningkatkan kefahaman masyarakat Islam mengenai isu kandungan al-Quran menerusi pelbagai institusi di negara ini.

Menurutnya, universiti dan pusat pengajian tinggi sedang mengambil langkah perlu dan menggunakan beberapa pendekatan bagi memudahkan ajaran al-Quran dihayati oleh masyarakat seluruhnya.

Mulai tahun ini juga, katanya, Institut Pengajian al-Quran, Bahagian Hal-Ehwal Islam di Jabatan Perdana Menteri yang mengeluarkan sijil peringkat diploma memperluaskan skop dengan mengambil pelajar wanita untuk mengikuti kelas pengajiannya.

"Di zaman sekarang, walaupun kita boleh mencetak berjuta-juta naskhah al-Quran dan bahaya kehilangannya amat berkurangan, kita tetap tidak boleh mengabaikan tanggungjawab masyarakat Islam untuk menyediakan seberapa ramai penghafaz al-Quran," katanya.

Seminar dua hari itu membincangkan beberapa kertas kerja dari negara ini, Mesir, Arab Saudi, Pakistan dan Indonesia.

Keliru fahami kehendak al-Quran Punca umat Islam mundur

BH 20 MAR 1990

Oleh ZAINI ZAINUDDIN

KUALA LUMPUR, Isnin — Perdana Menteri hari ini menegaskan wujudnya kekeliruan di kalangan sesetengah masyarakat Islam dalam memahami kehendak al-Quran, sehingga menyebabkan mereka mundur dan gagal mempertahankan diri, tanpa senjata dan bantuan daripada punca bukan Islam.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, golongan yang keliru itu, apabila bercakap mengenai al-Quran, hanya mementingkan soal berkaitan fardu ain, tanpa memberi penekanan kepada fardu kifayah.

"Kerana kekeliruan itulah, maka mereka sering melihat apa yang dibuat oleh kerajaan sebagai tidak berunsurkan Islam dan tidak selaras dengan kehendak al-Quran.

"Ini seterusnya menyebabkan orang Islam sekarang mundur sehingga mereka miskin dalam segala-galanya dan gagal mempertahankan diri tanpa senjata serta bantuan daripada punca bukan Islam," katanya ketika merasmikan seminar al-Quran antarabangsa, di sini hari ini.

Menurutnya, masih belum timbul keseda-

ran di kalangan sesetengah orang Islam mengenai kepentingan ilmu dan pelajaran, selain daripada yang khusus berkenaan agama.

Dengan mengambil contoh pembentukan ilmu sains dan matematik moden hasil penerokaan alim ulama Islam, Perdana Menteri menegaskan, umat Islam akan menjadi orang yang berilmu dan cekap dalam semua bidang serta mampu mempertahankan diri jika bersedia menerima dan mematuhi ajaran al-Quran.

"Malangnya, sains dianggap milik orang bukan Islam dan orang Islam yang memasuki bidang ini tidak disanjung tinggi sebagai orang yang membuat ibadat dan orang alim. Bahkan, sesiapa yang berani berkata ahli sains adalah ulama, dikecam oleh sesetengah ulama yang mahu perkataan ulama itu dihadkan kegunaannya.

"Dengan itu, tidak hairanlah ada antara mereka yang menyertai bidang sains, meninggalkan ilmu berkenaan walaupun mereka berbakat dan berkelayakan. Mereka mengalih kepada apa yang dikatakan 'kegiatan agama', menyebabkan pencapaian orang Islam amat rendah dan kurang mendatangkan manfaat," katanya.

● LIHAT MUKA 2